

IMPAK PEMBANGUNAN TANAH WAKAF TERHADAP UMMAH DI NEGERI PERLIS

Mohamad Khadafi Hj Rofie¹, Zainal Md Zan² & Nurul Hafizah Mohd Idrus²

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

²Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah, Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 11 April 2018

To cite this document:

Rofie, M. K., Zan, Z. M., & Idrus, N. H. M. (2018). Impak Pembangunan Tanah Wakaf Terhadap Ummah Di Negeri Perlis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(7), 106 - 116.

Abstrak: Pembangunan tanah wakaf merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan martabat dan keagungan Islam bukan saja aspek keimanan tetapi juga ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan, politik dan lain-lain. Kajian ini bertujuan untuk menilai impak pembangunan tanah wakaf di negeri Perlis dan halangan yang wujud dalam pembangunan tanah wakaf di negeri Perlis. Kaedah untuk mendapatkan data dalam kajian ini ialah melalui temubual dan kaedah pemerhatian di lapangan. Dapatan kajian menunjukkan pembangunan tanah wakaf di negeri Perlis memberikan impak yang baik kepada responden dan pihak berkepentingan. Dapatan kajian menunjukkan pembangunan tanah wakaf di negeri Perlis memberi kesan dalam mengerakkan kegiatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan kepada masyarakat negeri Perlis.

Kata kunci: Tanah Wakaf; Impak; Pembangunan Ummah

THE IMPACT WAQF LAND DEVELOPMENT IN PERLIS STATE

Abstract: The development of waqf land is an initiative to enhance the dignity and majesty of Islam not only the aspects of faith but also the economy, education, society, politics and others. The study aims to assess the impact of waqf land development in the state of Perlis and the barriers that exist in the development of waqf land in Perlis state. The method for obtaining data in this study is through interviews and observation methods in the field. The findings show that the development of waqf land in Perlis state has a good impact on respondents and stakeholders. The findings of the study show that the development of waqf land in Perlis state has an effect on moving economic, education and health activities to Perlis residents.

Keywords: Waqf land; Impact; Economic development

Pendahuluan

Pembangunan merupakan satu proses perubahan menyeluruh yang melibatkan individu mahupun masyarakat. Dalam Islam, pembangunan itu perlu dilihat secara menyeluruh merangkumi aspek rohani dan jasmani. Dalam aspek pembangunan fizikal, Setiap umat Islam perlu memberi penekanan kepada pembangunan dan juga pembangunan hartanah wakaf. Melalui pendekatan wakaf, Islam berjaya menyusun dan merangka pembangunan ummah. Wakaf merupakan salah satu daripada institusi Islam yang telah bermula dari zaman Rasulullah SAW. Pembangunan hartanah wakaf ini telah mendapat perhatian luas. Pada masa kini, pembangunan hartanah wakaf dilihat bukan sahaja dilihat sebagai sumber pembangunan ummah tetapi juga sebagai satu cabaran tanggungjawab sesama manusia peningkatan ketakwaan kepada Allah SWT. Akan tetapi wujud beberapa permasalahan dalam pembangunan hartanah wakaf ini. Dengan itu untuk meningkatkan pembangunan ummah adalah perlu untuk mencari jalan dalam mengatasi masalah-masalah yang berlaku.

Pembangunan Tanah Wakaf

Di Malaysia, pentadbiran harta wakaf bagi setiap negeri adalah berbeza mengikut Majlis Agama Islam negeri masing-masing sebagaimana yang telah diperuntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri. Di negeri Perlis, ia diperuntukkan dalam Undang-Undang Negeri Perlis, Fasa 4, Enakmen Pantadbiran Agama Islam Bil.3/1964. Ia mengangkat kedudukan Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) untuk bergerak dengan efisien dalam memikul tanggungjawab dalam merealisasikan agenda pembangunan sosio ekonomi umat Islam termasuk pentadbiran harta wakaf khususnya di Negeri Perlis (Majlis Agama Islam Perlis, 2017).

Sejarah pembangunan tanah wakaf di Negeri Perlis, sejak dahulu ditadbir oleh MAIPs selaras dengan seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Islam 2006: “Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal semua wakaf, nazr am dan amanah dalam Negeri Perlis”. Pengurusan Wakaf di MAIPs mengikut prosedur yang diselaraskan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dan berdasarkan 3 pekeliling perbendaharaan. Oleh itu, segala yang berkaitan dengan harta wakaf orang Islam di Perlis akan diuruskan dan ditadbir oleh MAIPs iaitu pemegang amanah yang telah diiktiraf oleh perlembagaan.

Permasalahan Kajian

Ironinya, pengurusan tanah wakaf sering dibelenggu beberapa isu berkaitan pengurusannya. Antaranya ialah pengurusan yang tidak seragam. Menurut Abdul Halim Ramli dan Ahmad Che Yaakob (2005), pada dasarnya pengurusan harta wakaf di Malaysia masih lagi terpisah-pisah dan berbeza-beza antara satu negeri yang lain bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh setiap negeri tersebut. Secara umum, pengurusan harta wakaf negeri-negeri telah diletakkan di bawah pengurusan Majlis Agama Islam negeri-negeri yang mempunyai struktur organisasi dan Jawatankuasa yang berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Kebanyakan pengurusan diletakkan di bawah unit yang kecil atau submit yang mempunyai tenaga kerja yang kecil dan mempunyai bidang tugas yang luas seperti pendaftaran dan pengumpulan data wakaf, pengawasan dan pengawalan. Umpamanya, pengurusan harta wakaf di Perlis telah dikendalikan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Selain itu, Megat dan Asiah (2006) pula menyatakan lokasi merupakan salah satu faktor kepada halangan pembangunan tanah wakaf. Kebanyakan tanah wakaf di kawasan bandar terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak berpotensi untuk dibangunkan. Manakala tanah-tanah wakaf di kawasan pedalaman tidak digunakan secara optima kerana tiada keperluan untuk dibangunkan seperti yang ditetapkan oleh waqif.

Masalah pangkalan data dan rekod harta wakaf juga berlaku dalam pengurusan pembangunan tanah wakaf. Abdul Halim Ramli dan Ahmad Che Yaakob (2005), mendapati keadaan ini wujud disebabkan berbagai-bagai sebab seperti corak pengurusan dan pentadbiran yang sudah ketinggalan zaman, lemah dalam aspek dokumentasi, kekurangan tenaga profesional, faktor wakaf lisan, sikap umat Islam setempat dan lain-lain lagi. Di samping itu, menurut Noor Inayah (2013), aplikasi wakaf juga menjadi isu dalam pembangunan ke atas tanah wakaf. Perkembangan dan pembangunan aplikasi wakaf dalam konteks kewangan belum lagi dapat dilaksanakan secara komersial di institusi kewangan seperti bank-bank Islam.

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan di Perlis yang merupakan negeri yang mempunyai kawasan tanah wakaf yang dibangunkan bagi tujuan kebajikan kerana menganggap pewakafan tanah adalah tuntutan di dalam agama Islam bagi sesiapa yang berkemampuan. Selain itu tanah wakaf di Negeri Perlis mempunyai potensinya kepada penerima manfaat. Kaedah temubual telah dijalankan bersama Pegawai Unit Wakaf di Majlis Agama Islam Perlis. Temubual bersemuka juga dilaukan kepada para pewakaf serta pengusaha-pengusaha kedai yang menjalankan perniagaan di atas tanah wakaf. Kaedah temubual secara rangkaian (*snowball*) daripada perseorangan kepada perseorangan, penyelidik berjaya untuk menemubual seramai 18 orang yang terdiri daripada empat Pegawai dan kakitangan MAIPs, empat orang pewakaf, lima orang pengusaha kedai di kawasan tanah wakaf dan lima orang penduduk Negeri Perlis.

Dapatan Kajian

Daripada maklumat yang diperolehi, analisis data mendapati beberapa isu berkaitan tanah wakaf di negeri Perlis. Penemuan utama kajian adalah berkaitan pengurusan pembangunan tanah wakaf dan impak pembangunan tanah wakaf tersebut kepada masyarakat.

Pengurusan Pembangunan Tanah Wakaf Di Negeri Perlis

Pengurusan Pembangunan Tanah Wakaf di Negeri Perlis Seperti di setiap negeri di Malaysia, pentadbiran harta wakaf bagi setiap negeri adalah berbeza mengikut Majlis Agama Islam negeri masing-masing sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri. Hal ini menunjukkan bahawa Negeri Perlis mempunyai struktur pentadbiran dan pengurusan organisasi yang tersendiri dalam mentadbir dan menguruskan harta-harta wakaf di Negeri Perlis. Perkara ini dibuktikan berdasarkan temubual yang dilakukan dimana para responden responden menyatakan seperti berikut;

“Pengurusan tanah wakaf di Negeri Perlis daripada dahulu lagi telah diuruskan di bawah MAIPs sendiri selepas Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis pada era pemerintahan

DYMM Tuanku Al-Marhum Syed Putra Ibn Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail”. (Ketua Bahagian Pembangunan Wakaf Dan Hartanah Mal, MAIPs)

“Pengurusan harta wakaf terletak di bawah Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal dan terdapat empat unit bahagian lain di bawahnya. Hal ini dimana, setiap unit-unit tersebut mempunyai tugas-tugas tersendiri”. (Pembantu Hal Ehwal Islam 3, MAIPs)

“Pada tahun 2016, MAIPs telah memperkemaskan sistem organisasi dengan mewujudkan tiga bahagian utama iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan & Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Zakat dan Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal. Hal ini menjadikan struktur organisasi menjadi lebih baik”. (Pembantu Hal Ehwal Islam 2, MAIPs)

Di Negeri Perlis, MAIPs bertanggungjawab dalam hal pentadbiran dan pengurusan tanah wakaf di seluruh Negeri Perlis. Pentadbiran pembangunan tanah wakaf tersebut dianggotai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bertindak sebagai Setiusaha MAIPs, seorang Ketua Bahagian Wakaf, seorang Penolong Ketua Bahagian Wakaf dan dibantu oleh seorang pembantu iaitu seorang Pembantu Hal Ehwal Islam. Selain itu, Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal dibahagikan kepada empat Unit iaitu Unit Pembangunan dan Hartanah, Unit Wakaf dan Sumber am, MAIPs Holdings Sdn Bhd dan KUIPs Sdn Bhd. 50 Secara jelasnya, Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal ini mempunyai fungsinya dalam membangunkan tanah wakaf di Negeri Perlis. Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal mempunyai peranan dalam membantu membangunkan pembangunan tanah wakaf di Negeri Perlis. Bahagian tersebut bertanggungjawab dalam segala urusan wakaf, sumber am dan pembangunan hartanah di Negeri Perlis.

“Tugas utama Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal di dalam MAIPs adalah untuk membantu membangunkan dan menjayakan pembangunan di atas tanah wakaf selaras dengan permintaan pewakaf”. (Ketua Bahagian Pembangunan Wakaf Dan Hartanah Mal, MAIPs)

“Pada pandangan saya, Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal ini menjadi lambang kecemerlangan dan kejayaan institusi pentadbiran agama Islam. Hal ini kerana, institusi ini berjaya menjalankan amanah-amanah yang telah diamanahkan oleh para pewakaf”. (Penduduk Negeri Perlis 2)

“Banyak sebenarnya fungsi Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal antara yang jelas adalah Bahagian ini menyelaraskan pentadbiran hartanah Islam bagi penduduk di Negeri Perlis”. (Pembantu Hal Ehwal Islam 2, MAIPs)

Jelaslah bahawa Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal berperanan dalam mentadbir serta mengendalikan pembangunan hartanah MAIPs secara lebih cekap dan berkesan. Malah, Bahagian ini juga berjaya meneroka peluang-peluang pekerjaan ekonomi melalui penubuhan subsidiari yang telah diwujudkan oleh MAIPs. Selain itu, Bahagian ini juga berjaya dalam meningkatkan fahaman terhadap amalan infaq khususnya wakaf bagi pembangunan sosio ekonomi ummah di Negeri Perlis. Seterusnya Bahagian ini juga sebagai medium dalam penyucian harta melalui zakat, wakaf dan sumber am seperti Tabung wang tidak patuh syara’ seterusnya memanfaatkan untuk pembangunan ummah terutamanya dalam kalangan penduduk di Negeri Perlis. Selain itu, Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal ini juga turut mengadakan kempen-kempen atau program-program bagi menggalakkan masyarakat umum melakukan ibadah wakaf.

“Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal ada mengadakan aktiviti dan program promosi wakaf termasuk wakaf tunai seperti mengadakan Seminar Kesedaran Wakaf dan Zakat Peringkat Negeri Perlis (acara tahunan) dan banyak lagi. Aktiviti dan program seperti ini dilihat

berjaya menarik minat masyarakat dalam melakukan ibadah wakaf”. (Ketua Bahagian Pembangunan Wakaf Dan Hartanah Mal, MAIPs)

“Selepas saya mendengar ceramah kesedaran yang dijalankan oleh MAIPs, saya terbuka ruang untuk melakukan ibadah wakaf ini. Jadi saya telah mewakafkan sebidang tanah sebagai wakaf am”. (Pewakaf 1, Sungai Bugis)

Di antara aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan oleh MAIPs melalui Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal;

Kesedaran Wakaf dan Zakat Peringkat Negeri Perlis (acara tahunan).

Ceramah kesedaran di setiap Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk swasta (sebulan sekali).

Ceramah dan promosi sempena Program Hijrah Minda bersama DYTMM Raja Muda Perlis di setiap masjid setiap hari jumaat.

Doa kesejahteraan kepada pewakaf dan pembayar zakat di dalam khutbah kedua hari jumaat Iklan dan promosi di dalam media massa. Secara keseluruhannya, hartanah wakaf yang terdapat di negeri Perlis adalah terdiri daripada tanah sahaja. Terdapat sebanyak 168 lot tanah wakaf di seluruh Negeri Perlis dengan keluasan 38.492 hektar.

Terdapat sebanyak 168 lot tanah wakaf di seluruh Negeri Perlis dengan keluasan 38.492 hektar.

Perancangan pembangunan tanah wakaf Negeri Perlis yang sedang berjalan antaranya;

Pembinaan Kompleks Wakaf di atas Lot 685, Jalan kangar Alor Setar.

Pembinaan Bazar Wakaf Masjid Putra di Simpang Empat Perlis.

Pembinaan premis rumah kedai di Lorong 4, Taman Desa Katong Kangar.

Pembinaan Bazar Wakaf Masjid Al-Arifin di Padang Katong Kangar

Pembinaan Masjid di atas Lot 1643 Padang Pekula Kechor Perlis seluas 0.767 hektar.

Pembinaan Kubur di atas Lot 4507 Kampung Binjal Utan Aji seluas 0.075 hektar.

Pembinaan surau di atas Lot 4358 Bunga Emas sanglang seluas 0.003 hektar.

Pembinaan Pusat Komuniti di atas Lot 2083 Batu Lima Kayang seluas 0.4 hektar.

Pengurusan tanah-tanah wakaf tersebut dikendalikan oleh MAIPs sendiri daripada peringkat awal sehinggalah kawasan tersebut tersedia. MAIPs bertanggungjawab dalam membangunkan tanah tersebut seiring dengan hasrat para pewakaf.

“...memang kami di MAIPs yang akan menguruskan tanah wakaf tersebut. Apabila pewakaf datang untuk mewakafkan tanah tersebut kepada wakaf am jadi kami akan mengkaji potensi ke atas tanah tersebut. Mungkin tanah tersebut sesuai untuk pembinaan Masjid jadi dari segi kos pembinaan semua akan ditanggung oleh MAIPs”. (Ketua Bahagian Pembangunan Wakaf Dan Hartanah Mal, MAIPs)

“..Sebagai contoh bagi premis perniagaan yang dibina di atas tanah wakaf, bayaraan sewaan tersebut akan dipegang oleh MAIPs dan dikendalikan secara berasingan serta mempunyai akaunnya yang tersendiri bagi memenuhi tujuan wakaf berkenaan”. (Pembantu Hal Ehwal Islam 3, MAIPs)

Impak Pembangunan Tanah Wakaf Di Negeri Perlis

Tanah wakaf yang telah dibangunkan oleh pihak MAIPs di Negeri Perlis melalui pelbagai projek secara tidak langsung telah mendatangkan manfaat ekonomi kepada masyarakat di Negeri Perlis. Kesan pembangunan tanah wakaf dalam mengerakkan kegiatan ekonomi masyarakat melalui pembinaan pusat dan premis perniagaan. Perkara ini secara tidak langsung meningkatkan aktiviti ekonomi dalam kalangan masyarakat. Pusat dan premis-premis

perniagaan tersebut telah dibangunkan melalui hasil dana wakaf dan di atas tanah wakaf yang memberi keuntungan kepada masyarakat setempat.

“

... kadar sewaan bagi premis ini adalah berpatutan dan kami sebagai perniaga mampu untuk membayarnya. (Peniaga 1, Bazar Wakaf)

Pembinaan Bazar Wakaf ini membantu saya mengembangkan perniagaan racun makhluk perosak dan saya bercadang untuk memohon sebuah lagi premis perniagaan di atas tanah wakaf”. (Peniaga 2, Bazar Wakaf)

“Premis-premis perniagaan yang ditawarkan membantu saya sebagai usahawan wanita untuk mengurangkan bebanan tanggungan dalam keluarga”. (Peniaga 3, Kompleks Wakaf)

Melalui hasil temubual bersama para usahawan yang berniaga di atas tanah wakaf, mereka menyatakan bahawa kesan utama pembangunan tanah wakaf ini dapat memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Hal ini kerana sesiapa sahaja boleh memohon untuk berniaga di atas bangunan perniagaan yang telah dibangunkan oleh MAIPs. Malahan, kadar sewaan bagi bangunan perniagaan tersebut adalah berpatutan mengikut lokasi bangunan perniagaan tersebut. Bangunan perniagaan Bazar Wakaf Masjid Putra yang terletak di Simpang Empat merupakan antara bangunan perniagaan yang aktif menjalankan aktiviti perniagaan. Antara penyewa di bangunan ini adalah Basha Kedai Jahit yang diusahakan oleh Puan Bashorah binti Othman yang telah berjaya membuka perniagaan jahitan pakaian lelaki dan perempuan. Menurut Puan Bashorah perniagaan yang diusahakan sekarang atas peluang yang diberikan oleh pihak MAIPs untuk beliau membuka perniagaan jahitan pakaian ini di atas tanah wakaf. Usaha ini bukan sahaja menjana pendapatan perniaga, malah ia berjaya melaksanakan niat pewakaf tanah ini dengan menyalurkan manfaatnya kepada tabungan wakaf melalui hasil perniagaan bangunan perniagaan ini.

Selain itu, MAIPs sentiasa aktif dalam membantu masyarakat melalui program dan pembangunan yang bermanfaat kepada masyarakat melalui pelbagai sektor ekonomi, keagamaan, sosial dan pendidikan. Pembinaan lima unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN yang terletak di Masjid Al-Barakah, Jelempek Arau merupakan pendekatan baik yang dilaksanakan kepada masyarakat dalam menjana ekonomi keluarga dan seterusnya memupuk kemampuan mereka ke arah yang lebih dinamik dan berdaya saing. Bangunan perniagaan dua tingkat ini disediakan bukan sahaja membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk menjana ekonomi keluarga mereka, malah turut menyalurkan manfaatnya kepada seluruh umat Islam. Antara perniagaan yang aktif dilaksanakan di bazaar ini adalah perniagaan makanan, rumah tumpangan dan kedai serbaneka. Melalui usahasama Kolej Komuniti Arau (KKAP) dengan MAIPs telah membangunkan Pusat Penghasilan Keropok Lekor Perlis di Bazar Rakyat MAIN di Masjid Amir Fawwaz Sungai Baru Perlis. Program ini dirancang bagi meningkatkan kemahiran dan taraf ekonomi kumpulan sasaran iaitu golongan asnaf khususnya dalam bidang pemprosesan keropok lekor.

Secara tidak langsung program ini telah menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan masyarakat yang terlibat. Program ini mampu memberi kesan kepada ekonomi peserta di mana peserta telah melalui proses simulasi belajar bagi penghasilan keropok lekor dalam tempoh masa tertentu. Peserta yang mengikuti program ini berupaya menghasilkan produk keropok lekor yang sesuai dipasarkan sekaligus dapat mengeluarkan mereka dari senarai asnaf Negeri Perlis selaras dengan hasrat MAIPs untuk memperkasakan usahawan kecil asnaf supaya lebih berkemahiran dan berdaya saing. Secara keseluruhannya, antara kesan utama pembangunan tanah wakaf ini adalah menggerakkan kegiatan ekonomi masyarakat melalui pembinaan pusat

dan bangunan-bangunan perniagaan di atas tanah wakaf. Perkara ini secara tidak langsung menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk di Negeri Perlis sebagai contoh peluang untuk menjadi seorang usahawan yang berdaya saing.

Pembangunan tanah wakaf juga memberi kesan dalam membangunkan ekonomi masyarakat melalui pembinaan pusat pendidikan formal atau informal sebagai contoh pembinaan sekolah, universiti, pusat latihan madrasah dan sebagainya. Peranan tanah wakaf yang dibangunkan dalam menyediakan peluang pendidikan sebenarnya banyak.

Di Negeri Perlis, berdasarkan hasil temubual kesan pembangunan tanah wakaf dalam penyediaan pendidikan terutamanya pendidikan informal kepada umat Islam amat banyak sekali. Institusi wakaf pendidikan di Negeri Perlis bermula dengan institusi pengajian pondok, diikuti sistem pengajian madrasah atau sekolah aliran Arab dan seterusnya setelah merdeka kerajaan mengambil alih institusi pendidikan wakaf ini untuk diurus mengikut persekolahan aliran perdana.

“Antara salah satu kegunaan dana kutipan wakaf adalah untuk tujuan wakaf pendidikan”. (Pembantu Hal Ehwal Islam 3, MAIPs)

“Setahu saya salah satu peranan institusi wakaf ini adalah membantu membangunkan pendidikan umat Islam terutamanya melalui pendidikan informal (Madrasah)”. (Penduduk Negeri Perlis 2, Kg Jejawi)

“Setakat ini terdapat empat sekolah agama rakyat, madrasah dan pondok yang dibangunkan menggunakan dana wakaf”. (Pembantu Hal Ehwal Islam 3, MAIPs)

MAIPs membantu membangunkan institusi wakaf pendidikan di Negeri Perlis dengan menggunakan dana wakaf yang terkumpul. Sebagai contoh Wakaf Pembinaan Sekolah Menengah Agama (Perempuan) Al-Madrasah Al-Alawiyah ad Diniyah Yayasan Islam Perlis (YIPs) yang mendapat kebenaran daripada MAIPs untuk pembinaannya dan juga menggunakan sebahagian dana wakaf. Pembinaan AL- 67 MAAD (P) ini merupakan Jalinan Kerjasama Strategik Bank Islam bersama Yayasan Islam Perlis (YIPs) dengan jumlah kutipan sehingga 31 Mac 2017 berjumlah RM1.325 juta. Usaha pembinaan AL-MAAD (P) bermula di atas peningkatan pendaftaran bagi sekolah agama oleh pelajar-pelajar perempuan. Pihak YIPs mengambil inisiatif untuk memulakan projek pembinaan AL-MAAD (P) pada tahun 2009. Lokasi pembinaan AL-MAAD (P) terletak di Lot 203, Mukim Sungai Adam, Jalan Mata Ayer, Kangar, Perlis dengan keluasan tapak 2.266 hektar. Pembangunan AL-MAAD (P) adalah untuk memenuhi keperluan bilangan sekolah agama di Perlis yang kini hanya lima buah sahaja selain memberi peluang pendidikan kepada lebih 300 orang pelajar apabila siap kelak (bagi fasa 1). Selain pembinaan AL-MAAD (P), melalui Program Wakaf Pendidikan (PWP), Negeri Perlis akan mewujudkan sebuah institusi pendidikan yang berkonsepkan penjana pembangunan dana dan sumber daya manusia.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan penubuhan institusi yang diletakkan di bawah pentadbiran MAIPs iaitu Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Melalui anak syarikatnya MAIPs Holdings Sdn Bhd, KUIPs adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan oleh MAIPs. Penubuhan KUIPs merupakan aspirasi Kerajaan Negeri Perlis untuk menjadikan Perlis sebagai hab pendidikan dan pembudayaan ilmu serta syiar Islam yang tersohor di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penubuhan institusi itu juga adalah bagi menyokong hasrat kerajaan persekutuan untuk pembangunan sosio-ekonomi dan sumber daya manusia di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) melalui permerkasaan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan pembangunan ekonomi negeri Perlis melalui strategi serampang dua mata, pendidikan dan pelancongan. Selain itu, pembinaan Madrasah Tahfiz Al Quran At-Thohiriah Muar, Johor merupakan Madrasah Tahfiz Al-Quran Swasta yang mendapat laluan daripada MAIPs untuk mengutip dana pembangunan melalui e-Wakaf. Seawal tahun 2007 madrasah ini telah diasaskan oleh Tuan Guru Hj Hasbullah Bin Hj Salleh di atas tanah yang diwakafkan oleh masyarakat setempat. Objektif penubuhan madrasah ini memberi peluang keutamaan pendidikan agama berteraskan Al-Quran dan As Sunnah kepada masyarakat di usia seawal kanak-kanak. Seterusnya membentuk sahsiah keperibadian mulia dan berakhlak islamiyah. Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan penyediaan pendidikan yang lebih baik dapat dilaksanakan melalui pembangunan harta wakaf di Negeri Perlis. Institusi-institusi ini adalah penting untuk pembangunan masyarakat Islam. Ini bukan sahaja boleh menyediakan kemudahan kepada masyarakat dengan mendapat kepentingan daripada harta wakaf tersebut malah ia merupakan institusi yang membuka medan kepada umat Islam untuk beramal kebajikan.

Pembangunan ekonomi bukan sahaja melihat aspek kewangan sahaja tetapi melihat kepada kesejahteraan hidup dan kualiti hidup manusia. Kemudahan untuk mendapatkan kemudahan kesihatan amatlah penting bagi penduduk setempat. Dalam konteks wakaf kesihatan ini, walaupun banyak klinik dan hospital yang telah disediakan oleh pihak kerajaan atau swasta namun institusi wakaf turut dilihat berperanan dalam menyediakan kemudahan kesihatan dengan kos yang lebih murah kepada masyarakat.

“Saya gemar mendapatkan rawatan di Klinik Waqfeya kerana bayaran yang dikenakan lebih murah iaitu RM20 kepada sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang”. (Penduduk Negeri Perlis 3, Kg Jejawi)

“Pusat Rawatan Darussyifa' menawarkan rawatan secara percuma dan ia menarik perhatian penduduk di Negeri Perlis”. (Penduduk Negeri Perlis 4, Kg Ngulang)

MAIPs juga terlibat dalam membantu membangunkan pusat-pusat kesihatan di Negeri Perlis melalui penggunaan dana wakaf serta dari segi lokasi pembinaan. MAIPs telah menjalankan usahasama Hospital Tuanku Fauziah (HTF) untuk pembinaan Pusat Perkhidmatan Hemodialisis MAIPs' di HTF di Kangar Perlis. Pusat Hemodialisis baharu itu akan menyediakan perlabahan kemudahan kesihatan seperti 30 buah mesin dialysis, bilik tetamu dan bilik rundingan kepada para pesakit serta ahli keluarga. Projek murni itu melibatkan dua badan di mana HTF menyediakan 70 tanah atau tapak serta menjalankan pengurusan Pusat Perkhidmatan Hemodialisis daripada sudut kakitangan, pengurusan pesakit, dan ubat-ubatan manakala pihak MAIPs mengeluarkan dana wakaf dalam pembinaan Pusat Hemodialisis tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak MAIPs melalui dana wakaf telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM2.5 juta bagi pembinaan bangunan MAIPs selain akan menjadi medium program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) golongan korporat untuk memberikan sumbangan mesin dialisis dan ubat-ubatan. Pusat ini membolehkan lebih ramai pesakit berpeluang untuk menjalani rawatan secara berkala. Melalui penubuhan Pusat Hemodialisis ini para pesakit dapat mengamalkan amalan gaya hidup sihat serta sering bertemu doktor untuk mendapatkan rawatan awal.

Selain itu, Klinik Waqfeya telah diwakafkan oleh pemilik sebenar untuk tujuan pengumpulan dana bagi tujuan projek-projek kebajikan di Negeri Perlis. Klinik Waqfeya diketuai oleh Dr. Jefri Irwan terletak di Taman Bukit Kubu, Kuala Perlis. Klinik ini merupakan sebuah klinik

yang memperkenalkan bayaran rundingan bagi ubat-ubatan hanya RM 20 bagi seorang pesakit bagi kesemua jenis rawatan. Usaha ini membantu golongan yang kurang berkemampuan terutamanya golongan asnaf untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Selain menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Klinik ini juga menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Dengan bertemakan “dari marhaen untuk marhaen”, klinik ini diharap dapat memberi banyak manfaat kepada masyarakat setempat.

Pusat Rawatan Darussyifa' juga telah dibina di atas tapak tanah wakaf di Negeri Perlis. Pada Mac 2014, diadakan Majlis Tandatanganan Surat Wakaf antara tuan tanah dan wakil Darussyifa' Pusat dan wakil dari Darussyifa' Perlis. Pusat ini menawarkan rawatan perubatan secara Islam bagi. Pusat Rawatan Darussyifa' hanya menggunakan dengan cara yang teratur dan tersusun ayat-ayat al-Quran, amalan sunnah Rasulullah dan kaedah-kaedah lain yang selaras dengan syarak dalam tujuan mencari ikhtiar untuk merawat pesakit sama ada sakit fizikal atau spiritual. Dari segi bayaran, tiada jumlah bayaran rawatan yang ditetapkan oleh Darussyifa'. Namun pihak Darussyifa' tidak menolak sebarang sumbangan yang dihulurkan bagi tujuan pembangunan dan perkembangan Darussyifa'. Secara keseluruhannya, kesan pembangunan tanah wakaf dalam menyediakan sumbangan kesihatan sangat besar terutamanya bagi penduduk-penduduk di Negeri Perlis. Selain tawaran bayaran perubatan yang murah lokasinya juga berdekatan dengan penduduk. Kemudahan pusat kesihatan ini sememangnya membantu dalam meningkatkan tahap kesihatan penduduk dan mengurangkan jumlah kematian di Negeri Perlis.

Kesimpulan

Pembangunan tanah wakaf yang dilaksanakan di negeri Perlis telah memberikan kesan dan impak yang baik kepada pertumbuhan ekonomi, pendidikan dan kesihatan rakyat Perlis secara khusus dan orang ramai secara umumnya. Ia merupakan satu proses perubahan menyeluruh yang melibatkan individu dan juga masyarakat. Pembangunan juga telah membawa kepada unsur permodenan di antara idea pembangunan dan tradisi dalam perspektif sejarahnya. Namun begitu pembangunan tanah wakaf ini perlu dilihat secara menyeluruh. Pembangunan juga perlu melihat kepada keperluan umat Islam dan penggunaannya serta manfaatnya. Justeru itu, pembangunan tanah wakaf ini tidak boleh hanya terbatas kepada pembangunan fizikal sahaja kerana pembangunan ini berkait dengan pembangunan jiwa dan keimanan umat Islam. Setiap umat Islam perlu memberi penekanan yang penting terhadap pembangunan hartanah wakaf. Melalui pendekatan wakaf, Islam berjaya menyusun dan merangka pembangunan ummah. Pembangunan hartanah wakaf bukan sahaja dilihat sebagai sumber pembangunan ummah tetapi juga sebagai satu cabaran tanggungjawab sesama manusia peningkatan ketakwaan kepada Allah SWT.

Senarai Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2000). *Wawasan Pembangunan: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abd. Shakor Borham. (2011). *Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (Jcorp): Satu Tinjauan*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein On.
- Abdul Halim Ramli & Ahmad Che Yaacob. (2005). *Islam Hadhari: Pengukuhan Institut Baitumal dan Wakaf di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- Adibah Awang, Abdul Hakim Mohammed, Abdul Hamid Mar Iman. (2009). *Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian Alam*. Dlm. Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan

- Menurut Perspektif Islam, Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 11-12 Ogos, 2009.
- Afiffudin Mohammed Noor & Mohd Ridzuan Awang. (2013). Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat*, Vol 35(1), 49 – 56. [Online]. <http://journalarticle.ukm.my>
- Ahmad Fuad Ismail. (2007). Pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 bagi Mengatasi Masalah Penyenggaraan dan Pengurusan Bangunan dan Harta Bersama. Dlm. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan, Penambahbaikan Urusan-Urusan Pemajuan Serta Penyenggaraan dan Pengurusan Hartanah. Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada 14 April 2007.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1999). Waqaf dan Perlaksanaan Undang-undang di Malaysia. Dlm. Nik Mustapha Nik Hassan (Penyunting). *Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 29-32
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Shariah Journal*, Vol. 17(1), 113-152.
- Hydzulkifli bin Hashim. (2013). Sumber Pembiayaan Pembangunan Harta Wakaf Menggunakan Sukuk dan Potensinya Di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Institut Tanah dan Ukur Negara. (2017). Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. [Online]. <https://www.instun.gov.my>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2007). Takrif Pembangunan. [Online]. <http://www.townplan.gov.my/>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor. (2007). Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa. [Online]. <http://jpbd.johor.gov.my/>
- Kamaruddin Ngah. (1992). *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahayudin Yahya. (1998). *Tamandun Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (1999). *Konsep dan Amalan Wakaf di Malaysia*. Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 17-28.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (2017). Latar Belakang MAIPs. [Online]. <http://www.maips.gov.my/>
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. (2016). Pengertian Wakaf. [Online]. <http://www.muip.gov.my>
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri. (2006). *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur. Penerbit:
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. Megat Mohd. Ghazali Megat Abd. Rahman & Asiah Othman. (2006). *Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Strategi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Afendi bin Mat Rani. (2008). *Fatwa Wakaf di Malaysia: Analisis Khusus Fatwa Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri*. Dlm. Kertas kerja yang dibentangkan di Konvesyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu. Pada 18-19 Oktober 2008.

- Mohd Azhar Abd Hamid, Halimah Ma'alip, Mohd Sofri Ibrahim & Palmah Atoma, et al., (2001). *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ridzuan Awang. (1987). *Konsep Undang-undang Tanah Islam-Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Penerbit Al Rahmaniah.
- Mohd Najib Ghaffar. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhd Sufian Hashim. (1988). *An Introduction the Legal System of Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Nik Mohd. Zain Yusof & Azimuddin Bahari. (1999). *Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian*. Dlm. Nik Mustapha Nik Hassan (Penyunting). *Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 2-15.
- Nik Musthafa Mohd Salleh. (2003). *Kearah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (1999). *Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Noor Inayah Yaakub. (2014, Jun 13). *Mencorakkan Kejayaan Wakaf Pendidikan*. [Online] <http://www.utusan.com.my>
- Perlis Bakal Wujudkan Kolej Universiti Islam. (2013, Mac 3). [Online]. <http://www.sinarharian.com.my>
- RMK-10: RM1.9 Bilion Bangun Tanah Wakaf Seluruh Negara. (2010, Jun 17). [Online]. <http://www.mstar.com.my>
- Rubin, A. & Bobbie, E. (2009). *Essential Research Methods for Social Work (Edisi Kedua)*. United State: Cengage Learning
- Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed. (2011). *Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia*. *Prosiding Perkem Vol 1(1)*, 138 – 147.
- Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed. (2013). *Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan*. *Prosiding Perkem Vol 3(1)*, (2013) 355 – 370.
- Shaharudin bin Ramli. (2005). *Analisis Sumbangan, Kekangan dan Cabaran Perkembangan Wakaf Tanah Negeri Kedah Darul Aman*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Siti Fatimah Ab . Hamid. (2008). *Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Peranan Harta Wakaf Dalam Pembangunan Ummah: Satu Kajian Terhadap Pelajar Spi UTM*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Noraishah Mat Husin. (2013). *Halangan Pembangunan Tanah Wakaf di Kelantan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Suhaida Ismail. (n.d). *Strategi dan Perlaksanaan Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya